

04/01/1997

Malam Puisi Merdeka penutup tirai

Jamudin Idris

TIRAI puisi 96 ditutup meriah dengan persembahan hebat Malam Puisi Merdeka (MPM) yang diadakan buat julung kali dengan penyertaan hebat daripada peminat puisi bermula Sasterawan Negara, tokoh budaya, pakar pergigian hingga kepada mahaguru silat.

Melihat kepada persembahan itu, mengingatkan kembali warisan gemilang nenek moyang bangsa Melayu mengenai hubung kait puisi dengan aspek kepahlawanan Melayu.

Berdasarkan keadaan itu, puisi yang dideklamasikan itu membuktikan cabang seni yang mereka amalkan tidak pernah memisahkan aktiviti seni mempertahankan diri dengan ahli sastera dan ahli bahasa.

Apa yang membanggakan, beberapa pendeklamasi adalah kali pertama membaca puisi di khalayak tetapi mereka berbakat dan kira-kira 600 orang membanjiri Dewan Budaya, Tun Syed Nasir untuk menyaksikan persembahan yang juga diadakan bagi menyambut tahun baru.

MPM yang bertemakan Puisi Pancaran Kesatria anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Sesuai dengan acara berbau kepahlawanan, tirai acara dibuka dengan paluan gendang silat, aksi silat dan bacaan mantera dan diikuti tari puisi Sekapur Sirih.

Selepas itu, acara didahului oleh Sasterawan Negara Datuk A Samad Said dengan puisi bertajuk Di Tengah Hala Lintang. Puisi itu dicipta khusus untuk acara berkenaan dan selepas itu diikuti pembacaan puisi oleh Dekan Fakulti Pergigian Universiti Malaya, Prof Dr Hashim Yaacob.

Prof Hashim, peminat wayang kulit dan silat mendeklamasikan sajak Masih Adakah Lagi Ayahanda yang diiringi tiupan serunai dan gendang wayang kulit. Bukan setakat itu, beliau turut membawa tiga doktor pergigian ke pentas yang menjadi pembantunya ketika bersilat.

Selepas itu diikuti oleh budayawan Tan Sri Samad Idris yang turut membaca catatan hati Rintihan yang ditulis ketika berada di Bukit Tinggi, Sumatera baru-baru ini dan begitu juga dengan catatan Timbalan Presiden, Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka), A Rahman Hassan dengan Pendekar Meniti Hari.

Mereka berdua dan Guru Utama Silat Cekak Hanafi, Md Radzi Hanafi mengakui kali pertama mendeklamasikan puisi. Md Radzi mendeklamasikan Panji Seorang Lelaki dan Parang Lading. Parang lading adalah senjata yang digunakan oleh Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi.

Lagu puisi berjudul Langkah Siaga Jurus Pahlawan dan Jejak Mahathir pula disampaikan oleh Ibrahim Bachik, seorang penyanyi lagu puisi yang tidak asing lagi suatu masa dulu dan semakin aktif akhir-akhir ini.

Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), A Aziz Deraman pula mendeklamasikan sajaknya Seorang Lelaki manakala Prof Madya Rahman Shaari yang bergaya pahlawan Melaka, Hang Jebat dengan puisi Anum dan persembahan Rahman mendapat tepukan gemuruh.

Grup Gerak Budaya Cekak Hanafi begitu hebat ketika mementaskan sketsa mengenai seni mempertahankan diri. Mereka juga menjayakan pantomim yang menekankan pentingnya muda mudi mempelajari seni mempertahankan diri daripada melepak.

MPM ini diharap akan mewujudkan suasana baru dalam dunia seni tanah air, sama ada seni kesusasteraan mahupun seni mempertahankan diri. Ia diharap akan menjadi pemangkin ke arah mencapai matlamat negara dan seni silat

sendiri untuk memartabatkan bangsa dan menghapuskan unsur tahyul dan khurafat.

Berdasarkan persembahan hebat dan kehadiran penonton yang mencatat sejarah bagi satu acara pembacaan puisi di dewan itu, acara seumpama ini sewajarnya dijadikan acara tahunan.

(END)